



## SOALAN LAZIM

**PINDAAN ANGGARAN CUKAI KENA DIBAYAR (CP204) PADA BULAN KE-11  
TEMPOH ASAS BAGI TAHUN TAKSIRAN 2021 DAN 2022**

**DAN**

**PENANGGUHAN BAYARAN CP204 DAN NOTIS BAYARAN ANSURAN (CP500)  
BAGI PERUSAHAAN MIKRO KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)  
MULAI 1 JANUARI 2022 HINGGA 30 JUN 2022**

**DI BAWAH BAJET 2022**

**(Dikemas kini pada 25 Januari 2022)**

### **A. PINDAAN CP204 PADA BULAN KE-11 TEMPOH ASAS BAGI TAHUN TAKSIRAN 2021 DAN 2022**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
1	Apakah industri yang layak untuk memohon pindaan CP204 pada bulan ke-11 tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2021 dan 2022?	Semua industri layak untuk memohon pindaan.
2.	Adakah pindaan ini hanya dibenarkan khusus untuk Tahun Taksiran 2021 dan 2022 sahaja?	Ya.

3.	Adakah pindaan bulan ke-11 ini hanya dibenarkan bagi pindaan kepada amaun CP204 yang lebih tinggi daripada anggaran cukai asal / dipinda sama ada pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas sahaja (pindaan menaik)?	Tidak. Pindaan bulan ke-11 ini dibenarkan sama ada bagi pindaan kepada amaun CP204 yang lebih tinggi atau lebih rendah daripada anggaran cukai asal / dipinda sama ada pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas (pindaan menaik / menurun).
4.	Sekiranya pembayar cukai telah melewati pindaan pada bulan ke-11 tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2021 dan 2022, adakah pembayar cukai dibenarkan untuk membuat permohonan pindaan dalam bulan ke-12 tempoh asas?	Tidak dibenarkan kerana pengemukaan pindaan bagi Tahun Taksiran 2021 dan 2022 hanya dibenarkan pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 dan / atau ke-11 tempoh asas sahaja.
5.	Adakah pindaan pada bulan ke-11 merujuk kepada bulan ke-11 ansuran atau bulan ke-11 tempoh asas?	Pindaan pada bulan ke-11 adalah merujuk kepada bulan ke-11 tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2021 dan 2022.
6.	Adakah pindaan CP204 ini tertakluk kepada syarat bahawa pindaan yang dibuat hendaklah tidak kurang daripada 85% dari anggaran asal/dipinda tahun taksiran sebelum?	Tidak.
7.	Adakah pindaan bulan ke-11 tempoh asas ini akan diambil kira bagi menentukan perbezaan melebihi 30% antara cukai kena dibayar dan anggaran cukai yang dipinda di bawah subseksyen 107C(10) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP)?	Ya. Pindaan bulan ke-11 tempoh asas akan diambil kira bagi menentukan perbezaan melebihi 30% antara cukai kena dibayar dan anggaran cukai yang dipinda di bawah subseksyen 107C(10) ACP.
8.	Bagaimanakah penentuan anggaran cukai di bawah subseksyen 107C(3) bagi Tahun Taksiran 2022 dan 2023?	Penentuan anggaran cukai bagi Tahun Taksiran 2022 dan 2023 hendaklah tidak kurang daripada 85% daripada amaun anggaran terkini.
9.	Adakah pengemukaan pindaan bulan ke-11 tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2021 dan 2022 memerlukan kelulusan daripada LHDNM melalui janaan jadual yang baharu?	Tidak. Pembayar cukai boleh menjelaskan bayaran berdasarkan pindaan yang dikemukakan tertakluk kepada pengemukaan yang teratur dan memenuhi syarat yang ditetapkan.
10.	Bilakah tarikh akhir pengemukaan pindaan CP204 pada bulan ke-11 tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2021 dan 2022?	Bagi Tahun Taksiran 2021, tarikh akhir pengemukaan permohonan adalah pada 30 November 2021. Walaubagaimanapun, lanjutan masa dibenarkan sehingga 10 Disember 2021.

Bagi Tahun Taksiran 2022, tarikh akhir pengemukaan adalah pada hari terakhir bulan ke-11 tempoh asas. Pindaan hanya dibenarkan sehingga tempoh asas berakhir 30 November 2022 sahaja.

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Bulan ke-11 Tempoh Asas	Tarikh Akhir Pengemukaan Permohonan Pindaan	Tarikh Kuatkuasa Pindaan (mengikut tarikh terima)
2021	1/1/2021 – 31/12/2021	November 2021	30 November 2021 (Lanjutan masa dibenarkan sehingga 10 Disember 2021)	15 Disember 2021
2022	1/7/2021 – 30/06/2022	Mei 2022	31 Mei 2022	Jika permohonan pindaan diterima selepas 15 hari bulan, bulan ke-11 tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2022, tarikh kuatkuasa pindaan adalah pada 15 hari bulan, bulan berikutnya
2022	1/12/2021 – 30/11/2022	Oktober 2022	31 Oktober 2022	

11.	Adakah pembayar cukai yang telah mendapat penangguhan bayaran CP204 bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 masih layak untuk mengemukakan pindaan pada bulan ke-11 tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2022?	Ya.
12.	Bagaimanakah cara untuk mengemukakan pindaan bulan ke-11 tempoh asas Tahun Taksiran 2021 dan 2022 ini?	<p>Pengemukaan pindaan adalah melalui borang khas yang boleh dimuat turun di laman web LHDNM seperti berikut:</p> <p><i><a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a> &gt; Borang &gt; Muat Turun Borang &gt; Lain-lain Borang &gt; Borang Permohonan Pindaan Anggaran Cukai Pada Bulan Ke-11 Tempoh Asas Tahun Taksiran 2021 / 2022</i></p> <p>Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan secara emel ke alamat emel seperti berikut:</p> <p><a href="mailto:pindaanCP204bajet2022@hasil.gov.my">pindaanCP204bajet2022@hasil.gov.my</a></p>
13.	Adakah dokumen sokongan diperlukan untuk membuat permohonan bagi pindaan bulan ke-11 tempoh asas Tahun Taksiran 2021 dan 2022 ini? Jika perlu, sila nyatakan.	Tidak.
14.	Perluah Bahagian Akuan pada borang permohonan diisi sekiranya pembayar cukai sendiri yang mengemukakan borang	Ya.

	pindaan bulan ke-11 tempoh asas Tahun Taksiran 2021 dan 2022?	
--	---	--

**B. PENANGGUHAN BAYARAN CP204 DAN CP500 BAGI PMKS MULAI 1 JANUARI 2022 HINGGA 30 JUN 2022**

Bil	Soalan	Jawapan
1.	Apakah kriteria perniagaan yang mendapat status PMKS?	Kriteria bagi PMKS ialah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta bagi saham biasa pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan</li> <li>- Mempunyai pendapatan kasar perniagaan berjumlah RM50 juta dan ke bawah bagi suatu tahun taksiran.</li> </ul>
2.	Adakah entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) juga layak memperoleh penangguhan cukai seperti yang diberi kepada PMKS? Sekiranya ya, apakah kriteria kelayakan PLT untuk memperoleh penangguhan tersebut?	Ya. Sesebuah PLT layak memperoleh penangguhan bayaran berdasarkan kriteria penentuan seperti yang termaktub di bawah Perenggan 2D, Jadual 1, ACP seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah maksimum sumbangan modal (tunai atau <i>in-kind</i>) tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas; dan</li> <li>• Jumlah pendapatan kasar daripada punca perniagaan tidak melebihi RM50 juta bagi tempoh asas</li> </ul>
3.	Adakah penangguhan bayaran CP204 hanya layak untuk semua tempoh asas atau terhad kepada tempoh asas berakhir 31 Disember 2022 sahaja?	Penangguhan bayaran CP204 layak untuk semua tempoh asas sekiranya pembayar cukai masih mempunyai bayaran CP204 dalam tempoh penangguhan yang dibenarkan iaitu 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022.
4.	Bagaimanakah kelayakan penangguhan bayaran ansuran CP204 ditentukan?	Kelayakan penangguhan bayaran CP204 ditentukan berdasarkan kepada kriteria PMKS seperti yang dinyatakan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) terkini yang diterima oleh LHDNM.
5.	Adakah pembayar cukai yang layak penangguhan bayaran CP204 dan CP500 perlu menjelaskan bayaran tertangguh secara sekaligus selepas tempoh penangguhan berakhir?	Tidak. Bayaran hendaklah dijelaskan semasa pengemukaan BNCP bagi tahun taksiran berkaitan sekiranya masih mempunyai baki cukai.

6.	Adakah kenaikan di bawah subseksyen 107B(3) dan 107C(9) ACP akan dikenakan kepada pembayar cukai yang mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500?	Tidak. Kenaikan di bawah subseksyen 107B(3) dan 107C(9) ACP juga tidak akan dikenakan jika bayaran dibuat tetapi berlaku kelewatan dalam tempoh penangguhan tersebut.
7.	Adakah bayaran CP204 dan CP500 yang telah dijelaskan dalam tempoh penangguhan boleh dibawa ke hadapan untuk menjelaskan bayaran CP204 dan CP500 selepas tamat tempoh penangguhan?	Tidak. Bayaran tersebut tidak dibenarkan untuk dibawa ke bulan selepas tamat tempoh penangguhan atau tahun taksiran berikutnya. Kenaikan di bawah subseksyen 107B(3) dan 107C(9) ACP juga tidak akan dikenakan jika berlaku kelewatan bayaran dalam tempoh penangguhan tersebut.
8.	Adakah pembayar cukai boleh memilih untuk menolak penangguhan bayaran CP204 dan CP500 secara automatik ini dan meneruskan bayaran seperti jadual bayaran ansuran asal? Sekiranya ya, adakah pembayar cukai perlu memaklumkan kepada pihak LHDNM?	Ya. Pembayar cukai boleh menolak penangguhan bayaran ansuran dengan terus membuat bayaran berdasarkan jadual ansuran dan tidak perlu memaklumkan kepada pihak LHDNM.
9.	Adakah pembayar cukai yang tertakluk kepada bayaran CP500 perlu membuat permohonan penangguhan bayaran?	Tidak. Pembayar cukai yang tertakluk kepada bayaran CP500 dibenarkan penangguhan bayaran CP500 mulai 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022.
10.	Adakah pihak LHDNM akan mengeluarkan pemakluman kepada pembayar cukai yang layak mendapat penangguhan bayaran CP204 dan CP500 ini?	<p>Pemakluman hanya akan dikeluarkan kepada pembayar cukai yang memenuhi kriteria PMKS berdasarkan maklumat yang dinyatakan dalam BNCP terkini dan mempunyai emel berdaftar dengan LHDNM. Pembayar cukai yang baharu memenuhi kriteria PMKS atau tidak mempunyai emel berdaftar dengan LHDNM tidak akan menerima pemakluman tersebut.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada pemakluman penangguhan bayaran CP500 kepada pembayar cukai kerana penangguhan adalah dibenarkan kepada semua secara automatik.</p>
11.	Adakah penangguhan bayaran CP204 boleh dibenarkan kepada pembayar cukai yang memenuhi syarat penangguhan tetapi tidak menerima pemakluman kerana tidak mempunyai emel berdaftar dengan LHDNM?	<p>Ya. Pembayar cukai dibenarkan untuk penangguhan bayaran CP204 tertakluk kepada permohonan dan pemberitahuan dikemukakan melalui e-mel ke alamat seperti berikut:</p> <p><a href="mailto:penangguhancp204@hasil.gov.my">penangguhancp204@hasil.gov.my</a></p> <p>Ini adalah signifikan sebagai rekod kepada LHDNM untuk tidak mengenakan kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) ACP.</p>

12.	Adakah pembayar cukai yang layak mendapat penangguhan boleh memfailkan pindaan kepada CP204 pada bulan ke-6 dan / atau bulan ke-9 dan / atau bulan ke-11 tempoh asas yang jatuh dalam tempoh penangguhan atau membuat pindaan kepada CP500 sebelum 30 Jun 2022?	Ya.
13.	Adakah pembayar cukai yang tertakluk kepada CP500 masih akan menerima CP500 bagi Tahun Taksiran 2022?	Ya. Walau bagaimanapun pembayar cukai dibenarkan untuk tidak membuat bayaran dalam tempoh penangguhan (Januari, Mac dan Mei 2022).

**CONTOH PELAKSANAAN PENANGGUHAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI KENA DIBAYAR (CP204) DAN NOTIS BAYARAN ANSURAN (CP500) MULAI 1 JANUARI 2022 HINGGA 30 JUN 2022 DI BAWAH BAJET 2022**

**Contoh 1**

Syarikat Z Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang memenuhi kriteria penentuan sebagai PMKS.

Tempoh perakaunan	01/10/2021 – 30/09/2022
Tempoh asas	01/10/2021 – 30/09/2022
Amaun CP204 asal telah dikemukakan kepada LHDNM	RM120,000.00
Layak penangguhan bayaran CP204	Januari – Jun 2022
Cukai Kena Dibayar Tahun Taksiran 2022	RM150,000.00

Bilangan Ansuran	Tarikh Akhir Bayaran	Amaun Ansuran (RM)	Amaun Yang telah Dibayar (RM)	Catatan
1	15/11/2021	10,000.00	10,000.00	Layak pengenaan kenaikan subseksyen 107C(9) ACP jika gagal/lewat bayaran
2	15/12/2021	10,000.00	10,000.00	
3	15/01/2022	10,000.00	-	Layak penangguhan bayaran ansuran bagi tempoh Januari – Jun 2022 dan tidak dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(9) ACP
4	15/02/2022	10,000.00	-	
5	15/03/2022	10,000.00	-	
6	15/04/2022	10,000.00	-	
7	15/05/2022	10,000.00	-	
8	15/06/2022	10,000.00	-	
9	15/07/2022	10,000.00	10,000.00	
10	15/08/2022	10,000.00	10,000.00	Layak pengenaan kenaikan subseksyen 107C(9) ACP jika gagal/lewat bayaran
11	15/09/2022	10,000.00	10,000.00	
12	15/10/2022	10,000.00	10,000.00	
<b>Jumlah</b>		<b>120,000.00</b>	<b>60,000.00</b>	

- ✓ Pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP (jika ada) berdasarkan amaun anggaran cukai asal RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 dan / atau ke-11 tempoh asas berkenaan.
- ✓ Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2022 adalah RM150,000.00 – RM60,000.00 = RM90,000.00. Kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP akan dikenakan sekiranya pembayar cukai lewat menjelaskan baki cukai tersebut.

## Contoh 2

Pembayar cukai B menjalankan perniagaan dan tertakluk kepada bayaran CP500 bagi Tahun Taksiran 2022.

CP500 asal : RM30,000.00  
Cukai Kena Dibayar Tahun Taksiran 2022 : RM50,000.00

Bilangan Ansuran	Tarikh Akhir Bayaran	Amaun Ansuran (RM)	Bayaran (RM)	Catatan
1	30/03/2022	5,000.00	-	Layak penangguhan bayaran ansuran dan tidak dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3) ACP
2	30/05/2022	5,000.00	-	
3	30/07/2022	5,000.00	5,000.00	Layak pengenaan kenaikan subseksyen 107B(3) ACP jika gagal/lewat bayaran
4	30/09/2022	5,000.00	5,000.00	
5	30/11/2022	5,000.00	5,000.00	
6	30/01/2023	5,000.00	5,000.00	
<b>Jumlah</b>		<b>30,000.00</b>	<b>20,000.00</b>	

- ✓ Pembayar cukai tidak perlu menjelaskan amaun ansuran CP500 dalam tempoh penangguhan dari 1 Januari hingga 30 Jun 2022.
- ✓ Jumlah amaun ansuran CP500 adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM30,000.00. Sebarang permohonan pindaan amaun jadual adalah sebelum 30 Jun 2022.
- ✓ Pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(4) ACP adalah berdasarkan amaun CP500 asal atau pindaan (jika ada).
- ✓ Baki cukai yang kena dibayar pada atau sebelum 30 Jun 2023 ialah RM50,000.00 – RM20,000.00 = RM30,000.00. Kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP akan dikenakan sekiranya pembayar cukai lewat menjelaskan baki cukai tersebut.